

**TEKS UCAPAN ALUAN**

**YBHG. PROFESOR DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB**

**@ SAHIBUDDIN, FASc**

**NAIB CANSELOR UiTM**

**SEMPENA**

**SIMPOSIUM MEMPERINGATI TAN SRI A. SAMAD**

**ISMAIL: WARTAWAN, CENDEKIAWAN AWAM,**

**NEGARAWAN**

**15 JANUARI 2024 | ISNIN | 9:00 PAGI**

**PERPUTAKAAN TUN ABDUL RAZAK 1,**

**UiTM SHAH ALAM**

**Bismillahirrahmanirrahim.**

**Yang Berbahagia,**

**Barisan Pengurusan Eksekutif Universiti, Barisan Pengurusan Kanan Universiti, Ketua-Ketua Jabatan, Ketua-Ketua Unit, Tetamu - tetamu kehormat.**

**[SALUTASI -KEMAS KINI BERDASARKAN KEHADIRAN]**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.**

1. Alhamdulilah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan limpah kurnia serta izin-Nya, kita dapat bersama-sama pada hari ini.
  
2. Pertamanya, saya ingin mengambil kesempatan **Yang Amat Berbahagia Tun Musa Hitam** ke UiTM. Kehadiran ini memberikan semangat dan amat bermakna kepada kami warga

UiTM. Jazakallah YAB Tun kerana memberi sokongan kepada program pagi ini.

3. Saya juga ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media dengan kerjasama Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa (ISTAC – Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), serta Perpustakaan Tun Abdul Razak bagi penganjuran **Simposium Memperingati 15 Tahun Pemergian Tan Sri A. Samad Ismail : Wartawan, Cendekiawan Awam, Negarawan** ini.
  
4. Sesungguhnya, pengajuran simposium ini menunjukkan komitmen fakulti dan rakan strategik untuk menghargai cendekiawan yang telah banyak menyumbang jasa terhadap perubahan sosial di Malaysia.

#### **Hadirin yang dihormati sekalian,**

5. Melihat kembali jasa Allahyarham Tan Sri A. Samad Ismail yang telah banyak memperjuangkan hak-hak orang Melayu, bahasa Melayu dan kedudukan orang Melayu. Beliau, bukan

sekadar tokoh, beliau juga adalah mercu tanda inspirasi, seorang figura yang pegaruhnya terkesan hingga sekarang.

6. Intelektual yang dimiliki oleh Allahyarham Tan Sri A. Samad Ismail telah berjaya memberikan kesan kepada kepada pemikiran masyarakat. Beliau telah membawa kepada semangat yang tinggi dalam memperjuangkan tanah air. Pencapaianya tidak hanya menaikkan namanya ke puncak kejayaan tetapi beliau juga telah menetapkan satu tanda aras yang tinggi untuk orang lain berusaha setanding dengannya.

7. Selain wartawan, penulis dan sasterawan negara, beliau berpendapat bahawa wartawan juga adalah pemikir dan pejuang bangsa yang berperanan membawa pemikiran masyarakat ke arah permodenan.

8. Keberaniannya untuk menegakkan kebenaran melalui penulisan dan memastikan bahawa rakyat Malaysia sentiasa memperoleh maklumat yang tepat dan berkualiti. Beliau telah menghadapi pelbagai cabaran dan tekanan, tetapi keintelektualan dan keberanian beliau sentiasa menonjol.

**Para hadirin sekalian,**

9. Semangat ini seharusnya dipandang tinggi oleh anak-anak muda terutamanya mahasiswa jurusan komunikasi dan pengajian media yang bakal menjadi pelapis pada masa akan datang.
10. Wartawan bukan sahaja sebagai pelapor, malah mereka inilah yang akan mencorak dan membentuk pemikiran rakyat. Sehubungan itu, pihak UiTM amat menitikberatkan pembangunan bakat mahasiswa dalam pelbagai bidang akademik dan industri.
11. Simposium sebegini sudah pasti mampu untuk mengasah bakat pelapis-pelapis haharu ke arah membentuk keperibadian yang tinggi seperti Allahyarham Tan Sri A. Samad Ismail.
12. Saya juga mengalu-alukan sekiranya terdapat idea untuk mewujudkan kursi tokoh ini di UiTM, yang mana hal ini akan membuka peluang untuk mendidik anak bangsa kita dalam menghargai para cendekiawan yang banyak berjasa.

13. Saya berharap, simposium ini akan menjadi pemangkin kejayaan kepada para mahasiswa ke arah impak yang lebih positif terutamanya dalam melahirkan graduan profesional di dalam bidang kewartawanan. Seterusnya, memberikan kesan kepada keseluruhan masyarakat.

**Sekian,**

**Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassallammualaikum  
Warahamtullahi Wabarakatuh.**